

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 6 (8)

16 Disember 2018
8 Rabiulakhir 1440

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 63/2018

PENGEMASKINIAN PANDUAN PEMAKAIAN PAKAIAN KORPORAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 24/2018 bertarikh 14 November 2018 telah bersetuju meluluskan Pengemaskinian Panduan Pemakaian Pakaian Korporat Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2. Pengemaskinian Panduan Pemakaian Pakaian Korporat UTM ini disediakan bertujuan sebagai bahan rujukan dan garis panduan mengenai pemakaian pakaian korporat Universiti yang diperuntukkan kepada staf berkelayakan serta menyelaraskan reka bentuk, warna dan pemakaian pakaian korporat di UTM. Matlamatnya adalah memastikan penggunaan imej korporat UTM yang melambangkan penjenamaan Universiti, memenuhi hasrat Universiti dalam penggunaan imej korporat sebagai lambang kemegahan dan keunggulan Universiti serta pembentukan keseragaman pemakaian dalam upacara rasmi Universiti.

3. Oleh yang demikian, pakaian korporat rasmi Universiti adalah yang telah diluluskan melalui panduan ini. Bagi memastikan reka bentuk dan warna yang ditetapkan adalah tidak berubah daripada yang asal, staf atau Pusat Tanggungjawab hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Pejabat Hal Ehwal Korporat sebelum pembelian atau sebarang tempahan dari mana-mana pembekal dibuat. Penggunaan logo UTM pada mana-mana pakaian korporat selain daripada pakaian korporat rasmi Universiti juga hendaklah mendapatkan kelulusan Pejabat Hal Ehwal Korporat dan caj penggunaan logo akan dikenakan pada kadar yang telah ditetapkan oleh Universiti.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai Pengemaskinian Panduan Pemakaian Pakaian Korporat Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini. Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan turut meminda peraturan yang ditetapkan melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 7/2011. Maklumat lanjut berhubung panduan ini boleh dirujuk ke Pejabat Hal Ehwal Korporat atau *Brand Guide Lines* yang boleh dimuat turun dari *brand.utm.my* manakala panduan tersebut pula boleh dimuat turun dari <http://registrar.utm.my/loginpolisi/>.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)
Menjalankan Tugas Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah